



SIARAN AKHBAR

S.A. 2025/05/02_09 (HQ)

TNB DAN HOTEL CASUARINA@MERU PACU VISI MOBILITI HIJAU NEGERI PERAK

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Casuarina Meru Sdn. Bhd. (CMSB) hari ini memuktamadkan satu perjanjian kerjasama strategik bagi pemasangan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik (EV) di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh, selaras dengan aspirasi negeri Perak ke arah masa depan rendah karbon.

Majlis pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) antara TNB dan CMSB, anak syarikat Perak Corporation Berhad, telah disempurnakan oleh Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad di Hotel Casuarina@Meru. Turut hadir, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan.

TNB diwakili oleh Ketua Pegawai Strategi & Ventures, Ir. Dr. Mohd Fadzil Mohd Siam di dalam majlis tersebut manakala CMSB diwakili oleh Pengurus Besarnya, Puan Sabrina Ahmad Tah.

Kerjasama ini selaras dengan aspirasi Perak Sejahtera 2030 dan menyokong pelaksanaan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dalam mempercepatkan penggunaan EV di seluruh negara. Ia turut memperkukuh peranan TNB sebagai pemacu utama dalam peralihan tenaga hijau negara menerusi pembangunan ekosistem EV yang boleh dipercayai, mudah diakses dan bersedia untuk masa hadapan selaras dengan matlamat jangka panjang NETR.

Menerusi kerjasama ini, TNB akan memasang satu (1) pengecas pantas DC berkapasiti 120kW dengan dua muncung CCS2 dan dua (2) pengecas AC berkapasiti 22kW di Hotel Casuarina@Meru. Kemudahan ini akan menawarkan akses 24 jam dengan ruang parkir khas untuk EV serta pilihan pembayaran mudah alih bagi memastikan pengalaman pengecasan yang lancar untuk tetamu hotel dan pengguna awam.

“Kerjasama ini melambangkan sinergi pintar antara syarikat utiliti nasional dan sektor hospitaliti negeri,” kata Megat Jalaluddin. “Ia membawa manfaat kepada rakyat, menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan dan memacu agenda hijau negeri. TNB amat menghargai kepercayaan kerajaan negeri Perak dan bertekad menyokong visi Perak Sejahtera 2030 sebagai rakan strategik jangka panjang.”

Melalui jenama TNB Electron, TNB kini giat memperluas jaringan pengecasan EV di lebuhraya, hab komersial dan destinasi pelancongan utama. Sehingga April 2025, sebanyak 80 pengecas telah dipasang di seluruh Semenanjung Malaysia dengan pelaksanaan berterusan untuk memenuhi permintaan mobiliti mampan yang semakin meningkat.

Di Perak, TNB sedang giat memperluas infrastruktur pengecasan EV dengan sasaran 53 poin pengecasan di 20 lokasi. Sehingga kini, TNB telah menubuhkan 12 poin pengecasan di 6 lokasi utama, termasuk R&R Tapah, Gunung Semanggol serta pusat membeli-belah AEON di Taiping, Manjung dan Kinta City. Pemasangan di Hotel Casuarina@Meru merupakan satu pencapaian penting sebagai pengecas pertama TNB di hotel.

Melangkah ke hadapan, TNB dan Perak Corporation Berhad telah mengenal pasti sekurang-kurangnya 10 lagi lokasi berpotensi di seluruh negeri untuk pembangunan infrastruktur EV pada masa akan datang. Kemudahan baharu ini dijangka siap menjelang suku ketiga 2025, sekaligus memperkukuh jaringan mobiliti hijau Perak dan menaikkan lagi imej negeri sebagai destinasi pelancongan mesra alam.

Di peringkat nasional, TNB turut menjalinkan kerjasama strategik dengan:

- Pihak berkuasa tempatan termasuk Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), serta Perodua untuk memperluas kemudahan EV di peringkat komuniti dan awam;
- PLUS Malaysia, AEON Mall, BHPetrol dan Petron Malaysia bagi meluaskan akses pengecasan pantas di sepanjang lebuh raya, pusat bandar dan laluan Pantai Timur seperti Petron Selising (Kelantan) dan Kampung Gemuroh (Terengganu);

Melalui inisiatif ini, TNB bantu merealisasikan visi NETR dalam membangunkan sebuah ekosistem EV yang tahan lasak dan bersedia untuk masa hadapan demi manfaat seluruh rakyat Malaysia.

“Pendekatan kami bersifat inklusif, untuk memastikan kemudahan EV dapat diakses oleh semua,” tambah Megat Jalaluddin. “Inisiatif ini membuktikan bagaimana kerjasama strategik mampu merangsang sektor pelancongan, menggiatkan komuniti setempat dan menggalakkan amalan hidup yang lebih lestari.”

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 2 Mei 2025, jam 6:00 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami: media@tnb.com.my

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki kapasiti penjanaan sebanyak 3,189MW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro berskala besar) dan 1,183MW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkey, yang terutamanya terdiri daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pengagihan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Disember 2024, TNB membekalkan elektrik kepada lebih daripada 11 juta pelanggan.



Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad (tengah), menyempurnakan majlis pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Casuarina Meru Sdn Bhd (CMSB), anak syarikat Perak Corporation Berhad (PCB), pada 2 Mei 2025 di Hotel Casuarina@Meru. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (dua dari kanan), turut menyaksikan majlis tersebut yang menandakan kerjasama strategik dalam memperluas infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik (EV) di Perak. Ketua Pegawai Strategi & Ventures TNB, Ir. Dr. Mohd Fadzil Mohd Siam (depan, kanan), dan Pengurus Besar CMSB, Puan Sabrina Ahmad Tah (depan, kiri), mewakili organisasi masing-masing semasa majlis pertukaran tersebut.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim (kiri, tiga); Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Mohd Zaki Mahyudin (kanan, tiga); Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak, Teh Kok Lim (kiri, dua); Timbalan Ketua Eksekutif (Perancangan dan Pembangunan), Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK), Syed Omar Albar Syed Abdullah (paling kiri); Pengerusi Lembaga Pengarah Casuarina Meru Sdn Bhd, Dato' Mohd Azhar Jamaluddin (paling kanan).



Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad (kanan) dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (kiri) memegang nozzle pengecas kenderaan elektrik menandakan kerjasama strategik dalam memperluas infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik (EV) di Perak.

Turut hadir, (dari kiri) Ketua Pegawai Strategi & Ventures TNB, Ir. Dr. Mohd Fadzil Mohd Siam; Pengarah Urusan TNBX, Mohd Razif Abd Halim; Timbalan Ketua Eksekutif (Perancangan dan Pembangunan) Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk), Syed Omar Albar Syed Abdullah; Program Director (PMO EV) TNB, Wan Ahmad Zam Zam Wan Abd Wahab; Pengerusi Lembaga Pengarah Casuarina Meru Sdn Bhd, Dato' Mohd Azhar Jamaluddin; (dari kanan) Ketua Eksekutif Kumpulan Perak Corporation Berhad Rosmin Mohamed; Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Mohd Zaki Mahyudin; Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak, Teh Kok Lim; Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim.

Turut hadir, (dari kiri) Ketua Pegawai Strategi & Ventures TNB, Ir. Dr. Mohd Fadzil Mohd Siam,

Barisan Pengurusan TNB : Ir Dr Fadzil, CSVO ; En Ahmad Wan Zam Zam, Program Director (PMO EV);
En Mohd Suhairi, Head of State Retail Perak; En Mohd Razif, MD TNBX; En Hisham, MD TSG Sdn Bhd

(tengah), menyempurnakan majlis pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Casuarina Meru Sdn Bhd (CMSB), anak syarikat Perak Corporation Berhad (PCB), pada 2 Mei 2025 di Hotel Casuarina@Meru.